

Peta Singapura sendiri tiada Pulau Batu Putih

V.M 17/11/07 MS 3
THE HAGUE, Belanda 16 Nov. - Tiada

satu peta pun dikeluarkan oleh Singapura sebelum 1995 yang membuktikan Pulau Batu Putih miliknya tetapi kini negara itu mendakwa ia mempunyai kedaulatan ke atas pulau tersebut sejak 1847 atau 1851.

"Ia menimbulkan persoalan. Mengapa Pulau Batu Putih tiada dalam peta-peta Singapura? Kesimpulan paling jelas ialah kerana kartografer (cartographer) tahu pulau itu bukan sebahagian daripada Singapura," hujah peguam Penelope Nevill.

Beliau berhujah pada hari terakhir pusingan pertama hujah lisan Malaysia bagi kes tuntutan bertindih Pulau Batu Putih, Middle Rocks dan South Ledge di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di sini hari ini.

Nevill memberitahu mahkamah, terdapat tiga peta Singapura iaitu ketika bermula pentadbiran Negeri-Negeri Selat pada 1824 hingga 1852. (Singapura mendakwa mempunyai kedaulatan di Pulau Batu Putih pada tahun itu.)

Sketch of the British Settlement of Singapore bertarikh 2 Ogos 1824 oleh Pembantu Jurutera, Lietunant Jackson jelas mengesahkan Pulau Batu Putih terletak dalam kawasan Kesultanan Johor di bawah pengaruh British.

Satu lagi peta, menurut Nevill, dikeluarkan pada 1849 berikutan pengukuran oleh juruukur kerajaan, J.T. Thomson menyamai peta pertama dan pulau itu masih terletak dalam wilayah kesultanan Johor.

"Beliau (Thomson) adalah orang yang mengetahui sama ada British mempunyai kedaulatan di Pulau Batu Putih pada 1847 hingga 1851," hujahnya.

Peta-peta itu termasuk yang dikeluarkan oleh Agensi Perisikan Antarabangsa Amerika Syarikat dan Kementerian Pertahanan Singapura. Namun tiada satu pun menunjukkan Pulau Batu Putih.

- Utusan